

27/06/2002

Pengurusan ekonomi tidak terjejas

Badrila Jamlus

SEKTOR swasta tidak harus bimbang dengan keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu melepaskan jawatan dalam parti dan kerajaan kerana ia tidak akan memberi kesan kepada pengurusan ekonomi Malaysia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata ini kerana semua dasar sedia ada, khususnya yang membabitkan perniagaan dan industri akan terus dikekalkan.

Beliau berkata, semua pihak harus menyambut baik ketelusan kerajaan melaksanakan peralihan kuasa itu yang menyaksikan Dr Mahathir terus menerajui kepemimpinan parti dan negara dalam tempoh 16 bulan akan datang.

"Sebarang tanggapan mengenai beliau tidak lagi berkesan sebagai seorang Perdana Menteri (Lame Duck Prime Minister) harus diketepikan kerana ia sama sekali tidak benar," katanya dalam ucapan pada majlis perasmian bangunan Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Rafidah berkata, Dr Mahathir masih mempunyai kuasa sebagai Perdana Menteri sehinggalah beliau secara rasmi melepaskan jawatan selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam di Kuala Lumpur, Oktober tahun depan.

Katanya, Dr Mahathir juga akan mampengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet kecuali beliau mengambil cuti dan jawatannya dipangku Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, sistem peralihan kuasa di negara ini berbeza berbanding di Amerika Syarikat iaitu Presidennya tidak lagi berkesan kerana keseluruhan partinya perlu mendapatkan semula mandat untuk melantik pemimpin baru pada pilihan raya Presiden.

"Dalam kes negara ini, kita sudah mengetahui pengganti Dr Mahathir dan pada masa sama Perdana Menteri bersama Timbalan Perdana Menteri serta anggota Kabinet masih terus menerajui kerajaan sedia ada," katanya.

Beliau berkata, masyarakat perniagaan perlu terus mengukuhkan hubungan dengan kerajaan.

Sementara itu, Rafidah menyarankan MAICSA yang mempunyai lebih 3,000 ahli di seluruh negara meningkatkan tahap kecekapan dan profesionalisme mereka menerusi beberapa program berterusan.

Beliau berkata, antara program itu termasuk latihan, keupayaan dan kapasiti, ilmu pengetahuan baru, pendedahan kepada perubahan serta kemajuan dalam persekitaran dunia perniagaan dan industri.

(END)